

|             |   |            |         |
|-------------|---|------------|---------|
| Headline    | Elektrik, air di Johor lebih daripada cukup |            |         |
| MediaTitle  | Kosmo                                       | Language   | Malay   |
| Date        | 13 Feb 2024                                 | Readership | 467,988 |
| Circulation | 155,996                                     | Page No    | 4       |
| Section     | Negara                                      | Journalist | N/A     |
| ArticleSize | 280 cm <sup>2</sup>                         |            |         |
| PR Value    | RM 21,798                                   |            |         |



ONN HAFIZ (tengah) ketika mengadakan lawatan kerja di Pencawang Masuk Utama Kota Masai di Pasir Gudang semalam.

## Elektrik, air di Johor lebih daripada cukup

**JOHOR BAHRU** — Kerajaan negeri memberi jaminan tidak akan timbul masalah kekurangan bekalan elektrik dan air di Johor, sekali gus menanggisi dakwaan pihak tertentu yang mencetuskan isu tersebut.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, bekalan elektrik dan air bukan sahaja mencukupi untuk kegunaan rakyat, malah mampu menampung kerancakan pembangunan di negeri ini.

Katanya, bagi bekalan elektrik di seluruh Johor mempunyai kapasiti terpasang sebanyak 10,476 megawatt (mw), jauh lebih tinggi berbanding permintaan maksimum iaitu 2,804 mw.

"Lebihan sebanyak 75 peratus bekalan elektrik yang boleh dimanfaatkan pelbagai sektor ekonomi di Johor termasuk kawasan perindustrian dan pertumbuhan," katanya selepas membuat lawatan kerja di Pencawang Masuk Utama (PMU) Kota Masai dan Empangan Layang di Pasir Gudang, di sini semalam.

Menurutnya, Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga menggunakan kaedah persefahaman dengan pemaju bagi membangunkan infrastruktur baharu melibatkan kos ditanggung pemaju dan TNB adalah 50-50.

"Selepas pemaju mencapai

penggunaan yang ditetapkan, wang akan dikembalikan kepada pemaju. Kaedah itu dapat merancukkan pengembangan kawasan perindustrian," ujarnya.

Onn Hafiz berkata, bagi bekalan air pula, Ranhill SAJ memaklumkan terdapat 16 projek sedang berjalan membabitkan tiga projek dalam bentuk kajian, manakala 13 projek lagi mempunyai peruntukan pelaksanaan.

Katanya, dari segi keperluan jangka pendek dan sederhana, bekalan sedia ada ini mencukupi bagi menampung permohonan perindustrian untuk kegunaan bekalan air.

"Satu daripada 13 projek ini telah siap, bakinya akan siap secara berperingkat pada tahun ini dan tahun depan dengan penambahan kapasiti bekalan air sebanyak 1,170 juta liter sehari.

"Projek baru ini akan menyumbang kepada penambahan jumlah rezab air kita sebanyak 18 peratus, ini adalah berita baik dan perkembangan positif kepada negeri ini," jelasnya.

Tambahnya, penyediaan bekalan asas yang mencukupi menjadi antara faktor pemangkin meyakinkan dan mampu menarik lebih ramai pelabur untuk membuat pelaburan di Johor.